

31 JUL 1999

MIC-Bubar

ANGGOTA PERWAKILAN MIC SOKONG PEMBUBARAN KUMPULAN WANG BURUH

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Kontroversi menyelubungi pembubaran Kumpulan Wang Buruh Pekerja India Selatan (SILF) hampir berakhir apabila anggota perwakilan ke perhimpunan agung MIC ke-53 hari ini menerima keputusan kerajaan untuk membubarkan SILF.

Kebanyakan anggota perwakilan yang membahas ucapan presiden parti bagaimanapun mahu kepimpinan MIC memastikan bahawa institut latihan kemahiran yang dicadangkan ditubuh di tanah milik kumpulan itu di Nibong Tebal, Pulau Pinang digunakan "semata-mata bagi faedah masyarakat India."

Ketika menggulung perbahasan, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata kebanyakan anggota perwakilan berpendapat bahawa sudah tiba masanya lembaga itu dibubar kerana ia telah memenuhi matlamatkannya.

Samy Vellu berkata menyatakan empat sebab yang diberikan oleh anggota perwakilan bagi menerima keputusan untuk membubarkan lembaga berkenaan.

- + lembaga yang menguruskan kumpulan wang itu tidak cekap
- + penghuni rumah orang tua yang ditadbirkan oleh lembaga itu di Nibong Tebal tidak mendapat faedah daripada kumpulan wang berkenaan
- + Rumah orang tua itu dalam keadaan yang tidak terurus: dan
- + tanah yang menempatkan rumah orang tua itu tidak digunakan dengan berkesan.

"Justeru itu, keputusan kerajaan untuk membubarkan kumpulan wang berkenaan disambut baik," kata Samy Vellu kepada pemberita pada akhir hari pertama perhimpunan agung MIC.

Perhimpunan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia dihadiri oleh kira-kira 1,300 anggota perwakilan.

Samy Vellu, yang juga Menteri kerja Raya berkata anggota perwakilan mahu kerajaan menubuhkan institut untuk faedah masyarakat India terutama dari kalangan pekerja ladang.

Pembubaran kumpulan wang itu yang ditubuhkan oleh British pada 1958 untuk membantu pekerja India Selatan menimbulkan kontroversi apabila kebanyakan pertubuhan masyarakat India membantah sambil berkata kerajaan harus berbincang dengan mereka dahulu.

Samy Vellu juga diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir ketika merasmikan perhimpunan itu bahawa masyarakat India akan hilang wakil mereka dalam kerajaan jika ada di antara mereka yang menimbulkan dan membesar-besarkan isu semata-mata untuk menjejaskan perpaduan MIC.

Presiden MIC itu berkata selalunya ada pihak yang akan membuat dakwaan terhadap parti.

Beliau berkata terserahlah kepada MIC untuk membuktikan bahawa dakwaan itu salah dengan mengemukakan "fakta dan perangkaan."

Samy Vellu berkata bahawa sebagai presiden MIC dan menteri Kabinet, beliau telah mewakili masyarakat itu dengan jujur."

"Jika mereka mahu orang lain untuk mewakili masyarakat India, maka itu terpulang kepada mereka," kata Samy Vellu.

Terdahulu, beliau melancarkan laman web baru parti yang boleh diakses melalui www.mic.org.com.my

-- BERNAMA

ES FAZ